

# 85 pelajar Tingkatan 3 SMK Ranche-Ranche lawat UMSKAL

NST 19.10.2019 8

LABUAN: Seramai 85 pelajar Tingkatan 3 SMK Ranche-Ranche yang diiringi 6 orang guru telah mengadakan lawatan kerjaya sempena Program Pasca PT3 ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Rabu lalu.

Kaunselor SMK Ranche-Ranche, Raffeza Sanadi berkata program itu bertujuan untuk memberi motivasi kepada pelajar untuk menyambaung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Selain itu, katanya untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang peluang-peluang kemasukan dan program yang ditawarkan di UMSKAL.

"Menerusi taklimat dan lawatan tersebut, saya yakin ia akan menaikkan semangat kepada pelajar untuk terus belajar dengan azam untuk melanjutkan pengajian tinggi ke universiti khususnya

ke UMS,"katanya ditemui selepas lawatan tersebut.

Sementara itu, taklimat mengenai UMSKAL disampaikan oleh Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia, Mas Adi Alimin yang mewakili Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah di Dewan Kuliah C, Bangunan Menara.

Sepanjang lawatan itu, pelajar dan guru diiringi serta diberikan taklimat oleh Mohizam Mohamad dan Nor Atiqah Mustafa ke Aras 13 dan Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Tingkat 9.

Sementara itu, Pengetua SMK Ranche-Ranche, Cikgu Yahya Ahmad Putih mengharapkan melalui lawatan ini dapat membuka mata pelajar-pelajar untuk melihat sendiri cara hidup di kampus

dan memberi dorongan mereka untuk terus menanamkan azam supaya suatu hari nanti mereka juga akan melangkah ke menara gading.

Pada masa sama, Yahya berkata melalui aktiviti ini pelajar dapat berinteraksi sendiri tentang program yang ditawarkan di UMSKAL dan secara tidak langsung dapat membolehkan mereka memilih aliran apabila memasuki tingkatan empat kelak.

UMSKAL kini menawarkan tujuh program iaitu lima di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan dua program di FKI.

Mas Adi yang juga Penolong Pendaftar Kanan berharap lebih ramai pelajar dari Labuan melanjutkan pengajian tinggi mereka di UMSKAL pada masa akan datang.- **OLEH JAINUDIN DJIMIN**



LAWATAN.... Pelajar dan guru SMK Ranche-Ranche bergambar kenangan sempena lawatan ke UMSKAL.



CENDERAHATI.... Penolong Pendaftar HEP, Mohd Fadzli menyampaikan cenderamata kepada Raffeza sambil diperhatikan guru-guru dan pegawai UMS Labuan (kiri).